

Headline	TNB tubuh pasukan khas tangani aduan meter pintar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 May 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	12
ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,535		



## TNB tubuh pasukan khas tangani aduan meter pintar

**MELAKA 15 Mei** - Satu pasukan khas telah ditubuhkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi membantu menangani aduan daripada pengguna mengenai meter pintar di negeri ini.

TNB dalam satu kenyataan menjelaskan, pasukan khas itu akan memperinci dan memberi penjelasan secara bersemuka kepada pengguna termasuk berkaitan ketepatan bacaan meter tersebut bagi menyelesaikan aduan diterima.

Menurut kenyataan itu, pengguna meter pintar yang mempunyai sebarang aduan tidak perlu bimbang kerana TNB bersedia memberikan maklumat dan penyelesaian.

“Penyelesaian itu termasuk mengkreditkan semula

lebih bayaran ke dalam bil pengguna jika didapati terdapat lebih caj berlaku,” jelas kenyataan itu, hari ini.

Tambah kenyataan tersebut, aduan yang diterima dan diselesaikan termasuk masalah ketepatan meter pintar yang menyebabkan bil meningkat selepas pemasangan.

“Semakan TNB mendapati meter yang dipasang adalah tepat namun sebahagian kecil aduan berpunca daripada kesilapan manusia semasa pemasangan meter.

“Tidak dinafikan sebilangan kecil aduan berpunca dari faktor kesilapan manusia semasa pemasangan meter termasuk berlakunya usikan pada meter lama,” jelas kenyataan itu lagi.